

19 NOV 1999

Calon-Kedah

DR MAHATHIR, SANUSI PERTAHANAN KAWASAN MASING-MASING

ALOR SETAR, 19 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid akan mempertahankan kerusi masing-masing pada pilihan raya umum ke-10 ini.

Ketika mengumumkan senarai nama calon Barisan Nasional Kedah di sini hari ini, Sanusi berkata Dr Mahathir akan bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu manakala beliau di kawasan Dewan Undangan Negeri Kuah.

Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin juga akan mempertahankan kerusinya bagi kawasan Parlimen Merbok.

Sanusi berkata bekas Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff dan Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Affifuddin Omar adalah antara 19 muka lama yang digugurkan.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, yang disebut-sebut akan bertanding di negeri ini, tidak disenaraikan.

Antara muka baru ialah pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya Prof Madya Dr Mahadzir Mohamed Khir, bekas wartawan Utusan Melayu Hajah Rosnah Majid dan Rektor Insaniah, sebuah institusi pengajian tinggi Islam di sini Prof Datuk Dr Osman Ishak.

Sebanyak 30 peratus calon BN untuk Parlimen di negeri ini dan 38 peratus daripada calon untuk kawasan DUN terdiri daripada muka baru.

Prof Madya Mahadzir akan bertanding di kawasan Parlimen Sungai Petani, Rosnah (DUN Tanjung Dawai) dan Prof Dr Othman (DUN Jitra) menggantikan Osman Aroff.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Datuk Kadir Sheikh Fadzir masing-masing akan mempertahankan kerusi Parlimen Sik dan Kulim/Bandar Baharu.

Tiga Setiausaha Parlimen dari Kedah juga akan mempertahankan kerusi masing-masing. Datuk Chor Chee Heung (Kementerian Pengangkutan) akan mempertahankan kerusi Parlimen Alor Setar, Datuk Abu Bakar Taib (Kementerian Pertanian) bagi kawasan Parlimen Langkawi dan Datuk Othman Abdul (Jabatan Perdana Menteri) bagi kawasan Parlimen Pendang.

Kesemua anggota Exco kerajaan negeri akan terus bertanding pada pilihan raya kali ini.

Mereka ialah Datuk Beh Heng Seong (Gurun), Datuk V. Saravanan (Bukit Selambau), Datuk Fong Chok Gin (Sidam), Datuk Hassan Bulat (Padang Matsirat), Abdul Rahman Ariffin (Ayer Hitam), Datuk Ghazali Ibrahim (Pedu), Ahmad Lebai Sudin (Bukit Lada), Abdullah Hasnan Kamaruddin (Anak Bukit), Datuk Syed Razak Syed Zain (Kubang Rotan) dan Datuk Zainol Mat Isa (Bayu).

Dr Affifudin digantikan oleh bekas Ketua Pengarah Biro Tatanegara Haji Osman Ismail bagi kawasan Parlimen Padang Terap

Anggota veteran yang turut digugurkan ialah Datuk Hanafi Ramli (Parlimen Jerlun), Raja Ariffin Raja Sulaiman (Parlimen Baling) dan Datuk Zakaria Said (Parlimen Kuala Kedah).

Tempat mereka akan digantikan oleh Ketua Pemuda Umno Kedah Ismail Tayib (Jerlun), bekas setiausaha politik Sanusi, Datuk Bahadur Shah Omar (Baling) dan Timbalan Ketua Umno bahagian Alor Setar Dr Fauzi Abdul Hamid (Kuala Kedah).

Setiausaha politik Sanusi, Md Rozai Shafian yang juga Setiausaha Kerja Umno Kedah akan bertanding di kawasan DUN Sungai Tiang, menggantikan Hajah Fatimah Ismail.

Seorang lagi muka baru ialah bekas kadi Nik Ali Nik Mat yang akan dicalonkan bagi kawasan DUN Laggar.

-- BERNAMA  
TM NMO